

Lampiran kepada Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU : MAMPU.600-1/8/2(1)



# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN RASIONALISASI LAMAN WEB SEKTOR AWAM**



**Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)  
Jabatan Perdana Menteri**

## KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1. TUJUAN	1
2. LATAR BELAKANG	1
3. TAKRIFAN	2
4. OBJEKTIF	3
5. KATEGORI RASIONALISASI LAMAN WEB SEKTOR AWAM	4
6. TADBIR URUS RASIONALISASI LAMAN WEB AGENSI	6
7. LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN RASIONALISASI LAMAN WEB AGENSI	6
8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	8
9. PENUTUP	9
10. MAKLUMAT LANJUT	9

## **SENARAI LAMPIRAN**

- Lampiran A - Maklumat Rasionalisasi Laman Web Agensi
- Lampiran B - Carta Alir Pelaksanaan Rasionalisasi Laman Web Agensi
- Lampiran C - Senarai Semak Pelaksanaan Rasionalisasi Laman Web Agensi  
Induk
- Lampiran D - Senarai Semak Pelaksanaan Rasionalisasi Laman Web Agensi  
Pelaksana

## 1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan memberi panduan kepada agensi sektor awam bagi melaksanakan rasionalisasi laman web sektor awam sedia ada ke arah peningkatan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang berpaksikan rakyat (*citizen-centric*).

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1. *Malaysian Government Portal Web Assessment* (MGPWA) adalah penilaian bagi penarafan bintang ke atas semua laman web sektor awam yang dilaksanakan setiap tahun. Pada tahun 2013 sebanyak 1,285 laman web agensi telah dinilai dan 31.6% laman web mendapat penarafan tiga (3) bintang dan ke bawah. Manakala pada tahun 2014 sebanyak 1,086 laman web agensi telah dinilai dan 30.0% laman web mendapat penarafan tiga (3) bintang dan ke bawah.
- 2.2. Penilaian laman web di peringkat global yang dijalankan oleh *United Nations e-Government Survey 2014* bagi Indeks Perkhidmatan Dalam Talian (*Online Service Index, OSI*) telah menunjukkan kedudukan Malaysia di tangga ke-20 pada tahun 2012 menurun kepada tangga ke-31 pada tahun 2014 dalam kalangan 193 negara.
- 2.3. Peningkatan kualiti laman web agensi sektor awam dapat memastikan kedudukan Malaysia di dalam penilaian yang dijalankan oleh *United Nations e-Government Survey* dapat ditingkatkan. Pelaksanaan rasionalisasi laman web sektor awam adalah untuk memastikan semua laman web agensi adalah berkualiti dan mematuhi kriteria penilaian laman web.
- 2.4. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan prestasi laman web sebagai saluran pilihan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang berkualiti dan sejajar dengan amalan baik di peringkat global. Walau bagaimanapun masih terdapat laman web yang tidak dikemaskini secara berkala, tidak diselenggara dengan baik dan tidak dapat diakses. Selain dari itu, terdapat juga agensi yang mempunyai lebih daripada satu laman web. Bagi mengatasi

masalah tersebut, rasionalisasi laman web sektor awam perlu dilaksanakan. Beberapa negara maju telah melaksanakan rasionalisasi laman web masing-masing seperti United Kingdom bermula tahun 2006, Kesatuan Eropah bermula tahun 2010 dan Amerika Syarikat bermula tahun 2011. Antara faedah yang diperolehi daripada pelaksanaan rasionalisasi laman web oleh negara-negara berkenaan adalah kemudahan kepada rakyat untuk mendapatkan maklumat dengan cepat dan mudah, penjimatan kos pelaksanaan dan penyenggaraan laman web.

2.5. Mesyuarat Jawatankuasa Koordinasi Aplikasi Perdana MSC Malaysia (*MSC Malaysia Flagship Coordination Committee*) ke-38 pada 19 November 2014 telah memutuskan rasionalisasi laman web perlu dilaksanakan bagi mengurangkan jumlah laman web kerajaan menjelang akhir tahun 2015. Mesyuarat Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) Bil. 1/2015 yang diadakan pada 6 Mac 2015 telah bersetuju rasionalisasi laman web sektor awam perlu diteruskan ke arah mengurangkan sehingga 50% laman web sektor awam.

### 3. TAKRIFAN

3.1. Takrifan yang digunakan dalam garis panduan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) **Agensi** merujuk kepada agensi yang tersenarai dalam Senarai Agensi sektor awam terbitan 1 Januari 2014 atau yang terkini, keluaran Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), Jabatan Perkhidmatan Awam.
- (ii) **Agensi Induk** merujuk kepada Kementerian dan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri yang melulus dan memantau pelaksanaan rasionalisasi laman web Agensi Pelaksana.
- (iii) **Agensi Pelaksana** merujuk kepada Kementerian dan agensi-agensi di bawah Kementerian, Pejabat SUK Negeri, agensi-agensi Negeri, Badan Berkanun (Persekutuan dan Negeri), serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang melaksanakan rasionalisasi laman web.

- (iv) **Domain** merujuk kepada domain laman web rasmi Agensi Pelaksana. Sebagai contoh, <http://www.mampu.gov.my> merupakan domain laman web rasmi Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri.
- (v) **Subdomain** merujuk kepada pecahan daripada domain agensi. Ia dianggap sebagai sebuah laman web tersendiri yang mempunyai hubungkait dengan domain agensi. Contoh, <http://sddsa.mampu.gov.my> di mana Data Dictionary Sektor Awam merupakan subdomain kepada domain [www.mampu.gov.my](http://www.mampu.gov.my).
- (vi) **Subdirektori** merujuk kepada mana-mana komponen kepada domain agensi. Contoh, [http://www.mampu.gov.my/mampu\\_sbh](http://www.mampu.gov.my/mampu_sbh) di mana MAMPU Sabah merupakan subdirektori kepada domain [www.mampu.gov.my](http://www.mampu.gov.my). Subdirektori boleh juga mengandungi direktori-direktori lain di bawahnya. Subdirektori juga dikenali sebagai subfolder.
- (vii) **Rasionalisasi laman web** merujuk kepada penyusunan semula dan pengintegrasian laman web serta penghapusan elemen yang tidak berkaitan.
- (viii) **Laman web rasmi agensi** merujuk kepada laman web utama yang menyediakan maklumat dan perkhidmatan agensi secara dalam talian sejajar dengan bidang kuasa agensi.

#### 4. OBJEKTIF

Objektif pelaksanaan rasionalisasi laman web sektor awam adalah seperti berikut:

- (i) Mengurangkan jumlah laman web di Agensi Pelaksana yang mempunyai laman web berganda, laman web tidak diperlukan lagi dan laman web yang tidak diselenggara.

- (ii) Mengkonsolidasi laman web agensi sektor awam dengan menyusun semula dan mengintegrasikan laman web serta menghapuskan elemen yang tidak berkaitan.
- (iii) Meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang berpaksikan rakyat.
- (iv) Menjimatkan kos agensi dari segi penyediaan dan penyenggaraan laman web melalui penggunaan sumber yang optimum.
- (v) Merekayasa laman web sedia ada selari dengan amalan baik dan penandaarasan di peringkat antarabangsa.

## 5. KATEGORI RASIONALISASI LAMAN WEB SEKTOR AWAM

Agensi hendaklah mengenalpasti laman web sedia ada dan mengkategorikan mengikut empat (4) kategori iaitu laman web dikekalkan, laman web ditutup, laman web dikonsolidasi dan laman web dikecualikan.

### 5.1. Laman Web Dikekalkan

Laman web yang **dikekalkan** adalah laman web rasmi agensi dan agensi hanya dibenarkan mempunyai satu laman web rasmi sahaja.

### 5.2. Laman Web Ditutup

Laman web hendaklah **ditutup** sekiranya laman web agensi tersebut memenuhi salah satu ciri-ciri berikut:

- (i) Mempunyai lebih daripada satu laman web.
- (ii) Laman web yang tidak diperlukan lagi.
- (iii) Laman web yang tidak diselenggara lebih dari 6 bulan.

Agensi juga hendaklah menutup domain bagi laman web yang berkaitan.

### 5.3. Laman Web Dikonsolidasi

Laman web agensi hendaklah **dikonsolidasi atau digabung** dengan laman web agensi pelaksana sekiranya memenuhi salah satu ciri-ciri berikut:

- (i) Laman web milik pejabat cawangan di bawah agensi pelaksana seperti pejabat atau jabatan di negeri, daerah dan sebagainya.
- (ii) Laman web milik unit, bahagian, sektor dan sebagainya di bawah agensi pelaksana.
- (iii) Agensi yang memiliki laman web tetapi tidak mempunyai pentadbir laman web untuk menyelenggara laman web tersebut.
- (iv) Laman web yang statik dan tidak diselenggara secara berkala secara bulanan.

Agensi boleh melaksanakan proses konsolidasi atau gabungan tersebut mengikut kesesuaian agensi menggunakan kaedah gabungan subdomain atau subdirektori. Agensi juga hendaklah menutup domain bagi laman web yang berkaitan.

### 5.4. Laman Web Dikecualikan

Laman web selain daripada laman web rasmi agensi yang diwujudkan untuk kegunaan tertentu bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat adalah **dikecualikan** daripada pelaksanaan rasionalisasi sekiranya ia memenuhi salah satu ciri-ciri berikut:

- (i) Memenuhi keperluan dan piawaian dalam negara serta antarabangsa seperti Portal Data Terbuka Sektor Awam ([www.data.gov.my](http://www.data.gov.my)).
- (ii) Laman web khusus dan memberi impak besar seperti Portal myIdentity ([www.myidentity.gov.my](http://www.myidentity.gov.my)).



Laman web yang dicadang untuk **dikecualikan** hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Induk Laman Web Kementerian/Kerajaan Negeri.

## **6. TADBIR URUS RASIONALISASI LAMAN WEB AGENSI**

Pelaksanaan rasionalisasi laman web agensi hendaklah menggunakan tadbir urus sedia ada iaitu Jawatankuasa Induk Pengurusan Laman Web Agensi. Agensi perlu mewujudkan satu pasukan kerja rasionalisasi laman web untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan rasionalisasi laman web. Pasukan kerja ini bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Induk Pengurusan Laman Web Agensi.

## **7. LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN RASIONALISASI LAMAN WEB AGENSI**

7.1. Rasionalisasi laman web merangkumi proses merancang, melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan laman web agensi. Langkah-langkah yang perlu diambil bagi melaksanakan rasionalisasi laman web mengikut agensi adalah seperti berikut:

- (i) Agensi Induk
  - (a) Mengkaji dan membincangkan usul, cadangan dan pelan tindakan agensi pelaksana.
  - (b) Meluluskan cadangan rasionalisasi laman web agensi pelaksana.
  - (c) Mengemukakan cadangan rasionalisasi yang telah diluluskan kepada Agensi Pelaksana.
  - (d) Menyelaras dan memantau pelaksanaan rasionalisasi laman web agensi pelaksana serta mengemukakan pelan tindakan rasionalisasi laman web peringkat agensi Induk dan agensi pelaksana kepada MAMPU.
  - (e) Menyelaras dan mengemukakan senarai laman web terkini kepada MAMPU.

(ii) Agensi Pelaksana

- (a) Mengumpul maklumat laman web sedia ada di agensi mengikut format seperti di **Lampiran A: Maklumat Rasionalisasi Laman Web Agensi.**
- (b) Mengkaji peranan dan struktur organisasi agensi untuk memastikan kesesuaian pewujudan laman web agensi.
- (c) Menyediakan cadangan rasionalisasi laman web (senarai laman web yang dikekalkan / ditutup / dikonsolidasi / dikecualikan) serta pelan pelaksanaan.
- (d) Mendapatkan kelulusan cadangan rasionalisasi laman web daripada Jawatankuasa Induk Pengurusan Laman Web Agensi.
- (e) Mengemukakan cadangan rasionalisasi untuk persetujuan Jawatankuasa Induk Laman Web Kementerian/Kerajaan Negeri.
- (f) Melaksanakan rasionalisasi laman web.
- (g) Melaporkan pelaksanaan rasionalisasi laman web kepada Agensi Induk.

7.2. Carta alir bagi melaksanakan rasionalisasi laman web adalah seperti di **Lampiran B : Carta Alir Pelaksanaan Rasionalisasi Laman Web Agensi.**

7.3. Senarai semak pelaksanaan rasionalisasi laman web peringkat agensi induk adalah seperti di **Lampiran C: Senarai Semak Pelaksanaan Rasionalisasi Laman Web Agensi Induk.**

7.4. Senarai semak pelaksanaan rasionalisasi laman web peringkat agensi pelaksana adalah seperti di **Lampiran D: Senarai Semak Pelaksanaan Rasionalisasi Laman Web Agensi Pelaksana.**

## **8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**

### **8.1. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)**

MAMPU adalah agensi yang bertanggungjawab untuk perkara-perkara berikut:

- (i) Memberi khidmat nasihat kepada agensi bagi pelaksanaan rasionalisasi laman web.
- (ii) Memantau kemajuan pelaksanaan pelan tindakan rasionalisasi sektor awam oleh agensi.
- (iii) Melaporkan status kemajuan pelaksanaan rasionalisasi laman web kepada Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK).

### **8.2. Agensi Pelaksana**

Semua agensi pelaksana adalah dikehendaki melaksanakan rasionalisasi laman web di agensi masing-masing. Untuk maksud ini, semua Ketua Jabatan adalah diminta untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:

- (i) Mewujudkan pasukan kerja rasionalisasi laman web di agensi.
- (ii) Menyedia dan melaksanakan pelan tindakan rasionalisasi laman web agensi.
- (iii) Meluluskan cadangan rasionalisasi laman web agensi.
- (iv) Melaksanakan rasionalisasi laman web agensi.
- (v) Memantau pelaksanaan rasionalisasi laman web agensi.

## 9. PENUTUP

Agensi hendaklah mematuhi garis panduan ini bagi melaksanakan rasionalisasi laman web di agensi masing-masing. Pelaksanaan rasionalisasi laman web yang berkesan di agensi sektor awam akan dapat meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dalam talian yang berpaksikan rakyat (*citizen-centric*).

## 10. MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan mengenai kandungan panduan ini atau permohonan untuk keterangan lanjut, boleh ditujukan kepada:

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

Jabatan Perdana Menteri

Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

No. Telefon : 03 - 8000 8000

No. Faksimili : 03 – 8000 8001

E-mel : [80008000@1mocc.gov.my](mailto:80008000@1mocc.gov.my)

## Maklumat Rasionalisasi Laman Web Agensi


Kementerian/SUK :

Pegawai Perhubungan :

Contoh :

Laman Web					Kategori Laman Web			Cadangan Rasionalisasi				Catatan	
Bil	Domain	SubDomain	Sub Direktori/ Web pages	Keterangan Laman Web	Agensi Pelaksana	Laman Web Agensi	Pejabat Cawangan/ Bahagian / Seksyen	Projek/ Kegunaan khusus	Kekal	Konso- lidasi	Tutup		Penge- cualian
1	mampu.gov.my				MAMPU	/			1				
2	mampu.gov.my	sddsa.mampu.gov. my		DDSA	MAMPU			/				1	
3	mampu.gov.my		mampu.gov.my/ mampu_sbh	MAMPU Sabah	MAMPU		/		1				
4	data.gov.my			Data Terbuka Sektor Awam	MAMPU			/				1	
5	ekl.gov.my			Bahagian eKL, MAMPU	MAMPU		/				1		
6	mampu.gov.my	aseancioforum2014. mampu.gov. my		Persidangan Asean CIO 2014	MAMPU			/			1		Diarkib- kan
					<b>Jumlah Laman Web</b>				2	0	2	2	

**Carta Alir Pelaksanaan Rasionalisasi Laman Web Agensi**



## Senarai Semak

## Pelaksanaan Rasionalisasi Laman Web Agensi Induk

	<b>Tugas</b>	<b>Status (v)</b>	<b>Tarikh &amp; Tempoh Pelaksanaan</b>
1.	Mengkaji dan membincangkan usul, cadangan dan pelan tindakan agensi pelaksana		
2.	Meluluskan cadangan rasionalisasi laman web agensi pelaksana		
3.	Mengemukakan cadangan rasionalisasi yang telah diluluskan kepada agensi pelaksana		
4.	Menyelaras, memantau dan mengemukakan cadangan rasionalisasi laman web peringkat agensi induk dan agensi pelaksana kepada MAMPU		
5.	Menyelaras dan mengemukakan senarai laman web yang terkini kepada MAMPU		

## Senarai Semak

## Pelaksanaan Rasionalisasi Laman Web Agensi Pelaksana

	<b>Tugas</b>	<b>Status (v)</b>	<b>Tarikh &amp; Tempoh Pelaksanaan</b>
1.	Mewujudkan Pasukan Kerja Rasionalisasi Laman Web Agensi untuk melaksanakan rasionalisasi laman web di agensi		
2.	Mengumpulkan maklumat laman web sedia ada		
3.	Mengkaji peranan dan struktur organisasi agensi		
4.	Menyediakan cadangan rasionalisasi laman web serta pelan pelaksanaan untuk kelulusan Jawatankuasa Induk Pengurusan Laman Web Agensi		
5.	Mengemukakan cadangan rasionalisasi laman web untuk kelulusan Jawatankuasa Induk Laman Web Kementerian/Kerajaan Negeri		
6.	Melaksanakan rasionalisasi laman web		
7.	Melaporkan pelaksanaan rasionalisasi laman web kepada agensi induk		